

**TAMAN NEGERI PULAU SEMBILAN: DESTINASI PELANCONGAN BAHARU
DI NEGERI PERAK**

JOHAN AFENDI IBRAHIM¹ & IYLIA AINUDDIN²,

¹Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti dan Alam Sekitar,
Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa,
Universiti Utara Malaysia,
06010, Sintok,
KEDAH.

²Perbadanan Taman Negeri Perak,
No. 4, Pusat Penerangan Pelancongan,
Jalan Sultan Idris Shah,
32200 Lumut,
PERAK.

ABSTRAK

Pelancongan minat tertentu (special interest tourism) merupakan konsep pelancongan yang diminati ramai pada masa kini. Perkembangan pelancongan yang berteraskan alam semulajadi (nature-based tourism) yang begitu memberangsangkan menyebabkan kerajaan memberikan perhatian serius seperti penggubalan dasar yang mesra pelancongan, melipatgandakan usaha pemasaran dan promosi, penyediaan kemudahan dan perkhidmatan selain menubuhkan banyak kawasan yang dilindungi seperti taman negara, taman negeri, taman laut dan 'biosphere reserve'. Pelancongan dilihat sebagai pemangkin dalam menjana pendapatan dan menimbulkan kesedaran di kalangan masyarakat mengenai kepentingan memelihara alam semulajadi. Bagi memastikan pelancongan memberikan manfaat kepada semua, perancangan sesebuah kawasan perlu dilakukan secara berhati-hati dengan mengambil kira pelbagai aspek berkaitan penawaran dan permintaan pelancongan. Kegagalan merancang dengan teliti mengakibatkan ramai pihak mengalami kerugian dalam pelaburan, kerosakan terhadap sumberjaya yang akhirnya menyumbang kepada kemerosotan destinasi dalam jangka masa panjang. Pulau Sembilan merupakan gugusan sembilan buah pulau yang terletak di Selat Melaka yang terdiri daripada Pulau Buluh, Pulau Lalang, Pulau Saga, Pulau Rumbia, Pulau Nipis, Pulau Payong, Pulau Batu Putih, Pulau Batu Hitam dan Pulau Agas. Pulau-pulau ini tidak berpenghuni dan merupakan syurga kepada kaki pancing. Keindahan pulau, kejernihan air laut dan tiada pencemaran merupakan aset utama pulau ini. Pada tahun 2010, Kerajaan Negeri Perak telah menggazetkan gugusan Pulau Sembilan sebagai taman negeri dan berpotensi dibangunkan sebagai produk pelancongan baharu di Negeri Perak khususnya dan Malaysia amnya. Kertas kerja ini membincangkan latar belakang destinasi, dasar dan projek yang dilaksanakan kerajaan, ciri-ciri pelancong, aktiviti pelancong, kemudahan dan perkhidmatan pelancong yang ditawarkan. Selain itu, perbincangan juga menyentuh potensi dan cabaran kepada kelestarian destinasi pada masa depan.

PENGENALAN

Pelancongan ke kawasan alam semulajadi semakin berkembang ketika ini. Pada tahun 1980an, pelancong ke destinasi alam semulajadi mewakili 2% daripada kedatangan pelancong dunia dan meningkat dengan pesat kepada 20% pada tahun 1998 (Newsome, Moore & Dowling (2002). Keadaan ini berlaku disebabkan ramai di kalangan masyarakat dunia menikmati taraf sosioekonomi yang semakin baik.

Mereka menerima pendidikan, mempunyai pekerjaan, memperolehi gaji yang setimpal, insentif daripada majikan seperti cuti dan kesihatan menyumbang kepada peningkatan kuasa berbelanja dan mempunyai masa senggang yang panjang. Selain itu, perubahan terhadap sosiodemografi juga mempengaruhi permintaan terhadap perjalanan dan senggang meliputi penduduk yang aktif mengikut umur, lambat mendirikan rumah tangga, keluarga yang mempunyai dua punca pendapatan, pasangan yang tidak mempunyai anak dan kewujudan ramai individu dewasa. Oleh itu, perilaku pelancong kini menjadikan kepuasan sebagai matlamat utama berbanding wang yang perlu dibelanjakan untuk perjalanan.

Perubahan terhadap corak pelancongan memberikan implikasi kepada pasaran pelancongan. Jika dahulu trend pelancong melakukan perjalanan atas sebab berehat dari keletihan bekerja dan mengikut gaya hidup moden telah berubah kepada menginginkan pengalaman, mempelajari sesuatu yang baharu, melarikan diri daripada rutin harian, nostalgia dan pengalaman eksotik dalam perjalanan yang dilakukan Krippendorf (1987) dalam Hall & Weiler (1992).

Salah satu objektif penubuhan kawasan yang dilindungi adalah menggalakkan pelancong datang dan menikmati keindahan alam semulajadi. Oleh yang demikian beberapa konsep pelancongan diperkenalkan seperti ekopelancongan (ecotourism), pelancongan pengembaraan (adventure tourism), pelancongan alam semulajadi (nature-based tourism), pelancongan hidupan liar (wildlife tourism).

PENUBUHAN KAWASAN YANG DILINDUNGI DI MALAYSIA

Menurut 'The World Conservation Union' (1994) taman negara ialah 'kawasan alam semulajadi meliputi tanah dan / laut, direkabentuk bagi':

1. Melindungi integriti ekologi dan ekosistem bagi generasi semasa dan akan datang;
2. Menghindari eksploitasi atau pekerjaan jenayah kepada kawasan yang telah direkabentuk;
3. Menyediakan kawasan bagi tujuan spiritual, saintifik, pendidikan, rekreasi kepada pelancong disamping mengambilkira kepentingan alam sekitar dan warisan.

Taman Negeri pula mempunyai maksudnya yang tersendiri. 'The National Association of State Park Directors' (2000) menyatakan taman negeri adalah 'Kawasan yang mengandungi bilangan program bagi tujuan pemeliharaan bagi sumberjaya alam sekitar / warisan dan penyediaan pelbagai aktiviti rekreasi luaran yang disokong oleh sumberjaya tersebut'.

Pada asasnya, penubuhan taman negara dan taman negeri mempunyai objektif yang sama untuk memelihara spesies hidupan liar ekologi dan ekosistemnya kepada generasi akan datang selain menjalankan penyelidikan, pendidikan, nilai ekonomi, estetik dan rekreasi. Di Malaysia, taman negara dan taman negeri hanya berbeza dalam aspek pentadbiran, pengurusan dan kewangan di mana taman negara ditadbir oleh kerajaan persekutuan manakala taman negeri pula adalah dibawah pentadbiran kerajaan negeri.

Taman Negara Pahang merupakan kawasan yang dilindungi yang pertama ditubuhkan di negara ini pada tahun 1939. Objektif penubuhannya adalah untuk :

1. Memelihara spesies hidupan liar untuk memberi manfaat kepada generasi semasa serta memastikan kemapanan secara berterusan untuk memenuhi kehendak, keperluan dan aspirasi generasi masa depan.
2. Melindungi habitat, hartanah, tanaman (makanan) dan ekologi hidupan liar daripada dicerobohi dan dimusnahkan.
3. Meningkatkan pengetahuan, kesedaran dan sokongan daripada orang awam mengenai kepentingan memelihara hidupan liar dan habitatnya.
4. Menyediakan kemudahan rekreasi berteraskan hidupan liar dan alam semulajadi seperti taman negara dan rezab hidupan liar bagi tujuan ekopelancongan.
5. Memastikan kawasan yang dicadangkan sebagai taman negara, rezab hidupan liar dan santuari hidupan liar bertujuan untuk melindungi kepelbagaian spesies, ekosistem, ciri-ciri unik untuk penyelidikan, pendidikan, nilai ekonomi dan estetik, rekreasi dan kegunaan ekologi (Hassan Kasim & Mohd. Zulkifli Arshad, 2000).

Sebahagian kecil kawasan hutan dan laut telah digazetkan sebagai taman negara, taman negeri dan taman laut bagi tujuan pemeliharaan sumberjaya. Malaysia mempunyai 25 taman negara, 7 taman negeri dan 42 taman laut (*rujuk Jadual 1, 2 dan .3*). Kemasukan pelancong ke kawasan ini adalah melakukan aktiviti-aktiviti pembelajaran, penyelidikan saintifik dan rekreasi yang menyeronokkan (*enjoyment*) dalam menghayati alam sekitar. Taman laut pula adalah kawasan perairan laut yang dizonkan sejauh dua batu nautika dari tikas air surut terendah. Walau bagaimanapun, definisi ini tidak terpakai kepada Pulau Kapas di Terengganu, Pulau Kuraman, Pulau Rusukan Besar dan Pulau Rusukan Kecil di Labuan yang dizonkan sejauh satu batu nautika dari tikas air surut terendah. Taman Laut ditubuhkan untuk melindungi dan memulihara pelbagai habitat dan hidupan marin akuatik (Jabatan Taman Laut Malaysia, 2012). Manfaat penubuhan sesebuah taman negara dapat diukur dalam dua keadaan iaitu berdasarkan nilai wang dan bukan berdasarkan nilai wang. Manfaat yang diukur berdasarkan nilai wang bergantung kepada harga pasaran (seperti pembalakan dan perikanan). Bagi manfaat yang bukan dalam nilai wang seperti kegunaan rekreasi yang dilakukan di kawasan yang dilindungi serta faedah yang dinikmati oleh individu ataupun komuniti / masyarakat terhadap taman negara. Ledec & Goodland (1988) menyatakan faedah penubuhan taman negara meliputi:

- Rekreasi dan Pelancongan: Ia adalah salah satu objektif penubuhan taman negara dan kawasan yang dilindungi. Walaupun objektif utama penubuhannya adalah untuk melindungi alam semulajadi tetapi aspek pelancongan dan rekreasi juga dibenarkan dilakukan di kawasan ini. Aktiviti ini bukan sahaja memberikan manfaat terhadap pemeliharaan bahkan menjanakan peluang pekerjaan dan menggerakkan pembangunan di kawasan sekitar.
- Perlindungan Lembangan Air (Watershed): Melindungi tumbuhan liar dan semulajadi untuk membantu mengawal hakisan, mengurangkan berlakunya banjir, pemendapan sedimen di bahagian muara sungai dan menyelaraskan aliran jeram / air. Ia bergantung kepada jenis tanah, keadaan topografi, tumbuhan yang melindungi permukaan tanah, kesesuaian kaedah yang digunakan, jenis pelaburan dan juga keadaan gunatanah.
- Proses Ekologi: Di kebanyakan negara, kawasan yang dilindungi menyediakan beberapa khidmat tambahan terhadap perlindungan lembangan air. Ia memberi manfaat kepada penduduk di sepanjang sungai dan juga di muara sungai. Hutan dan kawasan tanah lembab (*wetland*) berperanan sebagai menyokong kepada kehidupan spesies secara keseluruhannya.
- Biodiversiti: Ia melibatkan pemeliharaan biodiversiti meliputi kesemua spesies variasi genetik antara spesies, kepelbagaian habitat dan ekosistem. Sumberjaya biologi digunakan dalam penghasilan makanan, ubatan dan bahan kimia.

- Pendidikan Dan Penyelidikan: Penyelidikan ditumpukan kepada mengenali kepelbagaian perilaku haiwan untuk mengukur keadaan persekitaran semulajadi. Penyelidikan yang dilakukan diintegrasikan dengan pendidikan. Pelajar akan lebih memahami dan menghargai alam sekitar sekaligus lebih peka kepada perubahan yang berlaku akibat pemusnahan kawasan ini terhadap persekitaran.
- Manfaat Penggunaan (Consumptive Benefits): Kawasan hutan dapat mengeluarkan pelbagai produk seperti kayu balak, makanan, hidupan liar, ikan, herba dan ubatan. Jika kawasan ini dilindungi, pengambilan hasil ini adalah pada tahap terkawal dan terhad sahaja. Walau bagaimanapun, pengambilan hasil hutan adalah dilarang terutamanya di kawasan rizab semulajadi dan juga taman negara.
- Manfaat Bukan Penggunaan (Nonconsumptive Benefits): Ia adalah nilai yang diperolehi oleh manusia terhadap kawasan ini yang tidak melibatkan kegunaan secara langsung. Nilai estetik bertambah apabila seseorang itu tinggal di kawasan tersebut. Nilai budaya daripada gunung dan juga tasik mungkin penting kepada beberapa kumpulan / komuniti apabila masyarakat bandar mengasimilasikan kehidupan tradisional kepada kehidupan moden. Oleh itu, kebanyakan kawasan yang dilindungi telah dijadikan sebagai kawasan yang menyimpan nilai sejarah.
- Nilai Masa Depan: Sebahagian besar daripada nilai kemanusiaan adalah berpunca daripada 'consumptive' dan 'nonconsumptive use', perlindungan terhadap beberapa kawasan bertujuan bagi memastikan bahawa sumberjaya tersebut dapat dipelihara bagi kegunaan masa depan.

Jadual 1. Taman Negara Di Malaysia

Semenanjung Malaysia		
Taman Negara	Keluasan (hektar)	Tahun Penubuhan
Taman Negara Pahang	434,351	1939
Taman Negara Pulau Pinang	2,562	2003
Taman Negara Tanjung Piai, Johor	926	2004
Taman Negara Gunung Ledang, Johor	8,611	2005
Sabah		
Kinabalu	75,370	1964
Tunku Abdul Rahman	4,929	1974
Turtle Island	1,740	1977
Pulau Tiga	15,864	1978
Gunung Tawau	27,972	1979
Banjaran Croker	139,919	1984
Sarawak		
Bako	2,727	1957
Gunung Mulu	52,865	1974
Niah	3,138	1974
Gunung Lambir	6,949	1975
Similajau	7,064	1976
Gunung Gading	4,106	1983
Kubah	2,230	1988
Batang Ai	24,040	1990
Loagan Bunut	10,736	1990
Tanjung Datu	1,379	1994
Talang Satang	19,414	1999
Bukit Tiban	8,000	2000
Maludam	43,147	2000
Hutan Bakau Rajang	9,374	2000
Gunung Buda	6,235	2001
Jumlah	913,648	

Sumber: Johan Afendi Ibrahim (2012)

Jadual 2. Taman Negeri Di Semenanjung Malaysia

Taman Negeri	Keluasan (hektar)
Taman Negeri Pulau Kukup	647
Taman Negeri Perlis	5,000
Taman Negeri Belum, Perak	83,000
Taman Negeri Endau – Rompin, Johor	87,000
Taman Warisan Selangor	107,000
Taman Negeri Gunung Stong, Kelantan	21,950
Taman Negeri Pulau Sembilan, Perak ¹	182
Jumlah	304,779

Sumber: Johan Afendi Ibrahim (2012) dan Kerajaan Negeri Perak (2010)

Jadual 3. Taman Laut Di Malaysia

Negeri	Keluasan (kilometer persegi)	Bilangan Taman Laut
Kedah	188.13	4
Terengganu	568.69	13
Pahang	676.61	9
Johor	675.65	13
Wilayah Persekutuan Labuan	158.15	3
Jumlah	2,267.23	42

Sumber: Jabatan Taman Laut Malaysia (2012)

Walaupun begitu, penubuhan sesebuah taman negara juga menyumbangkan kos tertentu. Ia dapat dibahagikan kepada tiga kos utama meliputi kos langsung (direct costs), kos tidak langsung (indirect costs) dan kos peluang (opportunity costs). Dixon & Sherman (1990) telah menghuraikan tiga jenis kos penubuhan taman negara seperti berikut:

Kos Langsung (Direct Costs)

Penubuhan sesebuah kawasan yang dilindungi melibatkan kos pentadbiran dan pengurusan. Ia meliputi bayaran gaji kakitangan dan penyelenggaraan kemudahan. Selain itu, kawasan ini memerlukan pengawasan dan keperluan menjalankan program penyelidikan bagi mengenalpasti perubahan trend dan keadaan semasa. Program pendidikan juga diperlukan bagi memberi kesedaran kepada pelancong mengenai kepentingan menjaga alam sekitar. Di beberapa negara dunia ketiga, langkah-langkah penguatkuasaan diperlukan bagi mengelakkan pencerobohan oleh manusia. Pemburuan hidupan liar, pembalakan dan pembersihan tanah bagi tujuan pertanian adalah masalah utama yang seringkali dihadapi. Pembiayaan terhadap program-program pemeliharaan ini adalah sebahagian daripada kos langsung (direct costs).

Kos Tidak Langsung (Indirect Costs)

Ia melibatkan kerosakan secara tidak langsung akibat penubuhan kawasan yang dilindungi. Sebagai contoh, hidupan liar yang tinggal di kawasan ini boleh menyebabkan kerosakan terhadap tanaman, tempat tinggal penduduk dan harta benda. Pihak kerajaan pula tidak memberikan perhatian serius dan membayar ganti rugi di atas kerosakan yang berlaku. Oleh itu, kesedaran penduduk setempat kepada kawasan yang dilindungi diperlukan bagi mengatasi ancaman yang dilakukan oleh haiwan liar tersebut.

Kos Peluang (Opportunity Costs)

Kos peluang pula bermaksud kehilangan manfaat yang sepatutnya diperolehi oleh penduduk kesan daripada penubuhan kawasan yang dilindungi. Ia melibatkan kos lepas daripada kawasan tersebut yang meliputi haiwan, spesis dan kayu balak serta sumberjaya yang dapat dieksploitasikan bagi tujuan pembangunan.

PERKEMBANGAN EKOPELANCONGAN DI MALAYSIA

Industri pelancongan di Malaysia mencatatkan pertumbuhan yang memberangsangkan dengan peningkatan bilangan pelancong domestik dan antarabangsa ke kawasan alam semulajadi. Pelancong yang datang ke Malaysia memberikan tumpuan lawatan mereka kepada kawasan yang indah (scenic area), taman negara, taman negeri dan taman laut disebabkan Malaysia mempunyai keunikan dan kekayaan hutan hujan tropika, ekosistem marin dan tanah lembab. Tourism Malaysia yang merupakan agensi dibawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menjangkakan kadar pertumbuhan kedatangan pelancong pada tahun 1995 dan 1996 lebih tertumpu ke kawasan yang dilindungi (Salleh Mohd Nor & Sengdeuane Wayakone, 1997).

Kementerian Sains, Teknologi Dan Alam Sekitar menganggarkan 7% hingga 10% daripada jumlah keseluruhan pelancong ke Malaysia adalah sebagai pelancong eko dan pelancong alam semulajadi (ecotourists and nature-based tourists). Pada tahun 1997, kedatangan pelancong ke taman negara di Malaysia mewakili 153,026 orang (2.46 %) daripada jumlah kedatangan pelancong di Malaysia. Kadar bermalam pelancong di taman negara adalah selama 3 hari (Mohd Abdullah, 1989). 'The World Wide Fund For Nature' (1995) telah mengeluarkan laporan mengenai bilangan pengusaha dan agensi pelancongan yang berteraskan ekopelancongan dan 'nature guide' telah meningkat. Kementerian Kebudayaan, Kesenian Dan Pelancongan telah melancarkan Pelan Ekopelancongan Kebangsaan pada tahun 1996 bertujuan bagi merancang beberapa destinasi pelancongan baharu berteraskan kepada ekopelancongan disamping menyediakan beberapa garis panduan bagi memandu dan memantau perkembangan setiap destinasi pelancongan tersebut. Pelan tersebut menganggarkan seramai 12.5 juta pelancong asing dan 1.25 juta pelancong domestik melawat destinasi pelancongan yang utama di Malaysia menjelang 2000. 10% daripada pelancong ini adalah pelancong eko (Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, 1996).

Kerajaan memberikan tumpuan kepada pelancongan disebabkan industri ini berupaya menyumbangkan pendapatan dan pertumbuhan ekonomi negara. Di Malaysia, kerajaan telah merangka beberapa polisi di dalam menggalakkan perkembangan pelancongan berteraskan kepada pelancongan alam semulajadi bagi menarik kedatangan pelancong. Pada tahun 1999, Tourism Malaysia telah menyenaraikan 12 destinasi pelancongan utama bagi tujuan promosi di peringkat antarabangsa. Promosi ini melibatkan pelbagai jenis produk termasuk produk pelancongan berasaskan alam semulajadi. Sebanyak 5 destinasi pelancongan berasaskan alam semulajadi yang diketengahkan adalah Tasik Bera di Pahang, Lembah Danum di Sabah, Tasik Kenyir di Terengganu, Taman Negara Kinabalu di Sabah dan Taman Negara di Pahang.

Penekanan kepada pelancongan berasaskan alam semulajadi / ekopelancongan telah diberi tumpuan sejak Rancangan Malaysia Keenam (1986 – 1990) sehingga Rancangan Malaysia Kesepuluh (2011 – 2015) bagi mempelbagaikan produk pelancongan bagi menarik kedatangan pelancong ke negara ini. Pembangunan pelancongan diterapkan di taman negara mempunyai beberapa sebab utama. Industri pelancongan dilihat sebagai salah satu saluran yang berkesan bagi menjanakan pendapatan kepada taman negara. Pendapatan yang dihasilkan berpunca daripada permit yang dikeluarkan dan bayaran yang dikenakan kepada pemandu pelancong (park guiding), penginapan, pusat interpertasi, buku dan sumbangan bagi tujuan pemeliharaan daripada pelancong. Oleh itu, beberapa langkah diambilkita bagi mengawasi kedatangan pelancong daripada memberikan kesan negatif dengan menggunakan kaedah seperti Had Daya

Tampungan (Carrying Capacity), 'Limited Of Acceptable Change' (LAC) dan 'Visitor Impact Management' (VIM). Pelancongan juga dilihat sebagai salah satu alat yang dapat meningkatkan pertumbuhan sosioekonomi penduduk setempat yang tinggal berhampiran taman negara. Walau bagaimanapun, pelancongan di kawasan yang dilindungi juga menyumbang kesan negatif secara langsung dan tidak langsung kepada alam sekitar, ekonomi dan sosial

PELANCONGAN NEGERI PERAK

Pelancongan merupakan sektor yang diberi penekanan yang serius oleh kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri kerana keupayaannya menjana pendapatan dan mengubah landskap persekitaran. Ia dapat dilihat di mana kerajaan memperkenalkan pelbagai dasar, strategi dan insentif mesra pelabur bagi menarik mereka melabur terutamanya dalam sektor penginapan, pengangkutan, makanan dan minuman, taman tema dan sebagainya.

Di Malaysia, banyak kawasan yang dahulunya mundur, terpinggir dan terasing membangun dengan pesat apabila industri ini diperkenalkan. Bagi memastikan pelancongan dirancang dan dibangunkan secara bersepadu, Kerajaan Negeri Perak juga telah merangka dasar yang bersesuaian bagi menggalakkan perkembangan industri pelancongan di negeri ini. Pada Rancangan Malaysia Ke 10 (2011 – 2015), Negeri Perak telah menerima RM 23.7 juta untuk melaksanakan pelbagai projek pelancongan (Utusan Malaysia, 2012). Tahun Melawat Perak 2012 merupakan satu inisiatif kerajaan negeri mempromosikan Negeri Perak sebagai destinasi pelancongan dengan mengezonkan 6 kluster pelancongan serta memperkenalkan 10 ikon pelancongan yang menjadi tumpuan utama pelancong. Kluster pelancongan yang dizonkan meliputi :

- Ipoh (Gopeng, Batu Gajah, Kampar)
- Taiping (Matang, Kuala Gula, Kuala Sepetang, Larut)
- Kuala Kangsar (Sungai Siput)
- Royal Belum-Lenggong
- Pulau Pangkor – Lumut
- Teluk Intan (Kampung Gajah, Perak Tengah) (Tourism Perak, 2012).

Sepuluh ikon pelancongan di Negeri Perak pula adalah Bandar DiRaja (Kuala Kangsar), Kolam Mata Air Panas FELDA Residence (Sungkai), Gua Tempurung (Gopeng), Keindahan Bukit Batu Kapur (Ipoh), Hutan Paya Bakau Matang (Taiping), Pulau Orang Utan (Bukit Merak Laketown Resort), Pulau Pangkor dan Bandar Lumut (Daerah Manjung), Taman Herba (Kampung Kepayang), Royal Belum (Gerik) dan Zoo Taiping (Taiping) (Kerajaan Negeri Perak, 2014).

LATARBELAKANG TAMAN NEGERI PULAU SEMBILAN

Pulau Sembilan terdiri daripada gugusan sembilan buah pulau yang terletak di Selat Melaka. Ia terdiri daripada Pulau Rumbia Pulau Agas, Pulau Payong, Pulau Nipis, Pulau Batu Hitam, Pulau Batu Putih, Pulau Saga, Pulau Lalang dan Pulau Buloh. Menurut cerita masyarakat tempatan, Pulau Sembilan ini amat sinonim dengan kisah Panglima Hitam yang berjaya memerangi kegiatan lanun yang bergiat aktif di pulau tersebut pada abad ke 18. Selain itu ada juga yang mengatakan kewujudan buaya putih di pulau ini yang berkaitan dengan Kesultanan Melayu Perak. Pulau ini tidak berpenghuni dan hanya menjadi lokasi nelayan pinggir pantai menangkap ikan dan berteduh daripada ancaman ribut di laut.

Kesemua pulau ini terletak di bawah pentadbiran Pejabat Tanah dan Daerah Manjung, Perak. Pada 14 Oktober 2010, Kerajaan Negeri Perak telah mengisytiharkan gugusan Pulau Sembilan sebagai Taman Negeri di bawah Enakmen Perbadanan Taman Negeri Perak 2001.

Perbadanan Taman Negeri Perak diberi kuasa dan kawalan ke atas Taman Negeri Pulau Sembilan yang meliputi kawasan daratan seluas 182 hektar. Kawasan perairannya pula di bawah kawalan Jabatan Perikanan Negeri Perak.

Pulau Rumbia merupakan pulau terbesar meliputi kawasan seluas 98 hektar, diikuti Pulau Lalang seluas 38 hektar, Pulau Buloh seluas 28 hektar, Pulau Nipis seluas 7 hektar, Pulau Saga seluas 5 hektar, Pulau Agas dan Pulau Batu Putih masing-masing seluas 2 hektar, Pulau Payong dan Pulau Batu Hitam masing-masing seluas 1 hektar. Sebanyak 2 buah pulau sahaja yang mempunyai kawasan pantai iaitu Pulau Lalang dan Pulau Rumbia. Kelebihan pulau ini adalah mempunyai sumber air tawar yang hanya terdapat di Pulau Lalang dan Pulau Rumbia.

ISU DAN MASALAH

Beberapa isu dan masalah dikenalpasti seperti yang dibincangkan di bawah ini.

Kakitangan Yang Tidak Mencukupi

Ketika ini, seramai 9 orang kakitangan yang ditugaskan menguruskan Taman Negeri Pulau Sembilan yang terdiri daripada seorang Pengurus, 2 orang renjer, seorang kerani dan 5 orang kakitangan sokongan. Bilangan kakitangan yang kecil menyukarkan tugas pemantauan dan pengurusan di taman negeri kerana mereka lebih tertumpu kepada melakukan urusan pejabat di Lumut. Mereka hanya datang ke taman negeri mengikut syif yang ditetapkan dan tidak dapat mengawal keadaan taman negeri untuk tempoh 24 jam.

Kemudahan Infrastruktur

Kemudahan infrastruktur yang terdapat di Taman Negeri Pulau Sembilan adalah amat asas meliputi 3 buah tandas, 3 buah bilik air dan sebuah dapur. Pulau ini tidak mempunyai bekalan elektrik yang menyebabkan pelancong terpaksa membawa janakuasa sendiri jika mereka bermalam. Walau pun begitu, pulau ini menerima liputan talian komunikasi Maxis dan Celcom yang membantu dalam aspek telekomunikasi dan internet. Bagi memastikan pengurusan pelancong yang lebih efisien, sebuah jeti pelancong perlulah dibina bagi memudahkan bot-bot pelancong berlabuh selain memudahkan urusan pemberian permit masuk sekaligus menjadi pusat kawalan utama pihak pengurusan Taman Negeri. Selain itu, kemudahan seperti wakaf, papan tanda yang menyenaraikan kod etika pelancong, tapak perkhemahan, tangki penyimpanan air tawar perlulah disediakan untuk memastikan kepuasan pelancong sepanjang bercuti di taman negeri.

Sampah Hanyut

Seringkali kawasan Pulau Sembilan mempunyai sampah yang banyak pada waktu-waktu tertentu. Keadaan ini disebabkan lokasi Pulau Sembilan yang berhampiran dengan muara Sungai Perak yang membawa sampah-sampah hanyut dari hulu sungai dan masuk ke Selat Melaka. Akibatnya, sampah sarap ini terdampar dalam jumlah yang besar di sekeliling pulau-pulau ini.

Kekangan Kewangan

Salah satu kejayaan pengurusan dan pembangunan sesebuah destinasi pelancongan bergantung dengan sumber kewangan. Pengurusan Taman Negeri di Negeri Perak amat bergantung dengan sumber kewangan daripada kerajaan negeri. Kekangan kewangan yang terhad menyebabkan penyediaan kemudahan pelancong di Taman Negeri Pulau Sembilan tidak dapat disediakan dengan sebaiknya.

Gejala Vandalism

Ketiadaan kakitangan yang menjaga Taman Negeri Pulau Sembilan selama 24 jam menyebabkan banyak peralatan taman negeri dicuri oleh nelayan yang singgah di sini. Kehilangan peralatan menyebabkan kesukaran kepada kakitangan taman negeri melakukan tugas semasa berada di situ dan memberi gambaran negatif kepada pelancong yang datang.

Pengurusan Pelawat

Taman Negeri Pulau Sembilan memerlukan kepada penyediaan Pelan Pengurusan Pelawat bagi memastikan destinasi yang baharu dikenali ini dapat diuruskan secara mapan. Ketika ini, pengusaha pelancong perlu mendapatkan kebenaran daripada pihak Perbadanan Taman Negeri Pulau Sembilan untuk membawa pelancong ke situ. Keselamatan pelancong perlu diberi perhatian utama di mana hampir keseluruhan pengusaha bot tidak mempunyai lesen bot untuk membawa pelancong dan jurumudi bot juga tidak mempunyai lesen jurumudi membawa pelancong. Selain itu, terdapat segelintir pengusaha bot yang meninggalkan pelancong di pulau dan kembali mengambil mereka pada keesokan atau 2 hingga 3 hari berikutnya. Keadaan ini amat berbahaya kepada pelancong jika berlaku sesuatu kemalangan yang tidak diinginkan sepanjang percutian mereka di pulau ini.

Kod etika pelancong perlu disediakan bagi memastikan mereka mengetahui aktiviti yang dibenarkan dan tidak dibenarkan dilakukan sepanjang berada di Taman Negeri Pulau Sembilan. Ketika ini terdapat segelintir pelancong yang meninggalkan sampah yang dikhuatiri mencemarkan alam sekitar. Aktiviti menyelam yang dilakukan pelancong tidak dipantau oleh juruselam yang bertauliah. Amatlah dikhuatiri pelancong memijak batu karang yang akhirnya merosakkan hidupan tersebut pada jangka masa panjang.

Salah satu aspek yang diberi penekanan dalam ekopelancongan adalah memberi kesedaran kepada pelancong mengenai kepentingan menjaga alam semulajadi. Oleh yang demikian, dicadangkan pembinaan sebuah pusat interpertasi yang memberikan maklumat kepada pelancong mengenai keunikan Taman Negeri Pulau Sembilan. Selain itu, kakitangan perlu diberi latihan untuk melakukan tugas interpertasi kepada pelancong. Pihak pengurusan taman negeri juga dicadangkan menguatkuasakan bayaran permit masuk kepada pelancong untuk tujuan rekod bilangan pelancong, aktiviti yang dilakukan, kawalan kepada spesis yang di bawa keluar, barangan yang di bawa masuk sekaligus membantu meringankan kos operasi. Teknik pemantauan seperti Had Daya Tampung Pelancong perlu diperkenalkan bagi memastikan impak negatif di Taman Negeri Pulau Sembilan berada dalam tahap yang paling minimum.

KESIMPULAN

Kedatangan pelancong ke sesuatu tempat amatlah bergantung kepada sumberjaya yang ditawarkan. Destinasi pelancongan yang baru amat menarik minat pelancong kerana ingin meneroka sesuatu yang baru dan merasai pengalaman daripada aktiviti yang dilakukan. Bagi memastikan destinasi dalam keadaan mapan, satu perancangan yang komprehensif dan bersepadu perlu dilakukan bagi memastikan manfaat pelancongan dapat diperolehi secara maksimum serta memenuhi kepuasan pelancong disamping mengawal impak negatif yang berlaku di destinasi. Taman Negeri Pulau Sembilan kaya dengan keunikan flora dan fauna tetapi masih memerlukan penyediaan infrastruktur untuk menggalakkan lagi perkembangan pelancongan. Selain itu, satu pelan pengurusan pelawat perlu disediakan untuk mengawal aktiviti pembangunan pelancongan dan aktiviti pelancong.

RUJUKAN

- Dixon A.J. & Sherman P.B. 1990. *Economics Of Protected Areas, A New Look At Benefits And Costs*. London: Earthscan Publications Limited.
- Hall. C.M. & Weiler, B. 1992. What's Special About Special Interest Tourism?. Hall. C.M. & Weiler, B. (Ed), *Special Interest Tourism*. New York: John Wiley & Sons.
- Hassan Kasim & Mohd. Zulkifli Arshad. 2000. *Taman Negara, Peninsular Malaysia : Management & Operation*. Proceeding Seminar On The Concept Of The Park Development : Institutional Framework, Management And Operation. Kuala Lumpur: Department Of Wildlife And National Parks.
- Jabatan Perhutanan Negeri Perak. 2012. Laporan Awal Bancian Flora di Pulau Sembilan, Pangkor, Perak.
- Jabatan Taman Laut Negara. 2012. *Apa itu Taman Laut?*. Dicapai pada 10 September 2014 daripada <http://www.dmpm.nre.gov.my>
- Johan Afendi Ibrahim & Mohamad Zaki Ahmad. 2012. *Perancangan dan Pembangunan Pelancongan (Edisi Kedua)*. Sintok : Universiti Utara Malaysia.
- Ledec, G. & Goodland, R. 1988. *Wildlands : Their Protection and Management in Economic Development*. Washington D. C.: World Bank.
- Kementerian Kebudayaan, Kesenian Dan Pelancongan. 1996. *The National Ecotourism Plan*. Kuala Lumpur: MOCAT.
- Kerajaan Malaysia. 1991. *Rancangan Malaysia Keenam 1991 – 1995*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Berhad.
- Kerajaan Malaysia. 1996. *Rancangan Malaysia Ketujuh 1996 – 2000*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Berhad.
- Kerajaan Malaysia. 2001. *Rancangan Malaysia Kelapan 2001 – 2005*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Berhad.
- Kerajaan Malaysia. 2006. *Rancangan Malaysia Kesembilan 2006 – 2010*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Berhad.
- Kerajaan Malaysia. 2011. *Rancangan Malaysia Kesepuluh 2011 – 2015*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Berhad.
- Kerajaan Negeri Perak. 2014. *10 Ikon Pelancongan Negeri Perak*. Dicapai 10 September 2014 di <http://www.perak.gov.my>
- Kerajaan Negeri Perak. 2010. *Warta Kerajaan Negeri Perak (Enakmen Taman Negeri Perak 2001)*. Ipoh: Kerajaan Negeri Perak.
- Kerajaan Negeri Perak. 2005. *Polisi Pelancongan Negeri Perak*. Diperolehi pada 15 Disember 2005 daripada <http://www.perak.gov.my>
- Mohd. Abdullah. 1989. *Managing The National Park Of Peninsular Malaysia*. Proceeding The International Conference On National Parks And Protected Areas. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Newsome, D., Moore, S.A & Dowling, R.K. 2002. *Natural Area Tourism : Ecology, Impacts and Management*. New South Wales : Channel Views Publication.
- Perbadanan Taman Negeri Pulau Sembilan. 2014. Statistik Kedatangan Pelancong Ke Pulau Sembilan 2013 – 2014.
- Reef Check Malaysia. 2013. *Sembilan Island Survey Report*. Kuala Lumpur: Reef Check Malaysia
- Stabler, M. J. 1997. *Tourism And Sustainability : Principles To Practice*. London: CAB International.
- Salleh Mohd Nor & Sengdeuane Wayakone. 1997. *Ecotourism In Malaysia*. Proceeding Seminar On Ecotourism For Forest Conservation And Community Development.
- The National Association Of State Park Directors. 2000. *What is State Park?* Retrieved on 21 July 2001 at <http://www.nspd.org>.

- The World Conservation Union. 1994. *Guidelines for Protected Areas Management Categories*. Switzerland: IUCN.
- Tourism Perak. 2012. *Enam Kluster Dikenalpasti Bagi Tujuan Promosi Tahun Melawat Perak 2012*. Dicapai pada 10 September 2014 di <http://visitperak.com.my>
- Utusan Malaysia. 2012. *Jom Terokai Perak 11 April 2014*. Dicapai pada 5 Januari 2014 di <http://www.utusan.com.my>